



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KECEKAPAN MOTOR DAN PENGETAHUAN STRATEGIK
DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH RENDAH
UNTUK MATA PELAJARAN
PENDIDIKAN JASMANI

SAADIAH BINTI SHARI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH SARJANA PENDIDIKAN
MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS

FAKULTI SAINS SUKAN DAN KEJURULATIHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2013



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada ...16...(hari bulan).....Julai..... (bulan) 2013.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, SAADIAH BT SHARI, M20092001170 (FAKULTI SAINS SUKAN DAN KEJURULATIHAN) (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Kecekapan Motor Dan Pengetahuan Strategik Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah Untuk Mata Pelajaran Pendidikan Jasmani

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. NELFIANTY BT MOHD RASYID (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KECEKAPAN MOTOR DAN PENGETAHUAN STRATEGIK DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH RENDAH UNTUK MATA PELAJARAN PENDIDIKAN JASMANI

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN SAINS SUKAN (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

16 JULAI 2013

Tarikh

Tandatangan Penyelia



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: Kecekapan Motor Dan Pengetahuan Strategik Dalam Kalangan Murid
Sekolah Rendah Untuk Mata Pelajaran Pendidikan Jasmani

No. Matrik /Matric's No.: M 20092001170

Saya / I : Saadiah Binti Shari

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that my Thesis/Dissertation/Project Paper is kept at Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) and reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The Library is not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 16 Julai 2013

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

Dilampirkan bersama di dalam Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (jilid keras), selepas lampiran Pengakuan



PENGHARGAAN

Syukur kepada Allah yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang kerana dengan limpah kurnia dan hidayah-Nya mengizinkan saya menyempurnakan penulisan kajian ini.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Dr Nelfianty Bt Mohd Rasyid dan Prof. Madya Dr Ahmad B. Hashim selaku penyelia yang telah banyak membimbing dan memberi tunjuk ajar yang amat berharga kepada saya dalam menyiapkan disertasi ini. Semoga Allah membalas segala jasa baik dan budi yang diberi.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Prof Madya Dr Julismah dan Dr Shanmuganathan selaku pensyarah Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan, Encik Fakrurazi dan Pn. Noridayu selaku Jurulatih Utama Pendidikan Jasmani yang telah menyemak dan mengesahkan instrumen yang digunakan dalam kajian ini. Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada dekan, pensyarah-pensyarah dan staf Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan yang sentiasa memberi bantuan dan sokongan moral sepanjang pengajian saya.



05-4506832 Ucapan terima kasih kepada Kementerian Pelajaran Malaysia, Bahagian Biasiswa yang telah menaja dan membiayai pengajian peringkat sarjana saya. Ucapan penghargaan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar dan Jabatan Pelajaran Negeri Perak yang telah memberi kebenaran kepada saya untuk menjalankan kajian di sekolah yang terlibat. Ucapan terima kasih juga kepada subjek kajian dan guru-guru yang membantu semasa proses pengumpulan data. Saya turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan-rakan yang banyak menyumbang idea dan membantu sepanjang proses menyiapkan disertasi ini.

Teristimewa buat suami, Rohim Ngahat yang tidak kenal jemu dan penat memberi, menemani dan meniup semangat, juga tidak lokek berkongsi ilmu dan idea demi menyiapkan disertasi ini. Sesungguhnya perkongsian ini tidak ternilai harganya. Buat anak-anak yang sangat dikasihi Nuraimi Nadirah, Muhammad Amru Al-As, Nuramnani Suffiya dan Muhammad Haqqul Iman yang sentiasa memahami dan mengerti. Sesungguhnya bukan mudah untuk mendaki pucak gunung ilmu.

Kejayaan ini ditujukan khas buat emak, abah, ibu mertua dan adik beradik yang memahami kesibukanku dalam menyiapkan disertasi ini. Terima kasih kerana sentiasa mendoakan sehingga tercapai impianku. Sesungguhnya hanya Allah yang dapat membalas jasa kalian.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membina bateri ujian dan membandingkan tahap kecekapan motor dan pengetahuan strategik murid tahap dua berdasarkan standard *National Associations for Sport and Physical Education* (NASPE). Seramai 108 orang subjek lelaki dan perempuan berumur 10, 11 dan 12 tahun dipilih dalam kajian ini melibatkan enam buah sekolah rendah di daerah Batang Padang. Kajian ini menggunakan reka bentuk *ex post facto*. Instrumen kajian yang digunakan ialah instrumen *South Carolina Physical Education Assessment Program* (SCPEAP) (2001) yang telah diubahsuai. Empat item kecekapan kemahiran motor dan pengetahuan strategik diukur iaitu menghantar bola aras dada, menerima bola aras dada, melantun bola dan menggelecek bola. Hasil dapatan menunjukkan 63% murid berjaya mencapai tahap kecekapan motor dan 81% bagi pengetahuan strategik. Item kemahiran menerima bola aras dada mencapai tahap kecekapan paling tinggi diikuti menghantar bola aras dada, menggelecek dan melantun. Bagi pengetahuan strategik, kemahiran menghantar bola aras dada mencapai tahap kecekapan paling tinggi, diikuti menerima bola aras dada, menggelecek dan melantun. Analisis ujian *ANOVA* menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan skor kecekapan motor dan pengetahuan strategik antara murid berumur 10, 11 dan 12 tahun iaitu murid lelaki dan perempuan berumur 12 tahun mencapai skor kecekapan motor dan pengetahuan strategik yang lebih baik berbanding murid 11 dan 10 tahun. Dapatan ujian kolerasi menunjukkan terdapat perhubungan yang signifikan antara skor kecekapan motor dengan skor pengetahuan strategik murid berumur 10, 11 dan 12 tahun. Hasil dapatan menunjukkan murid-murid-murid lelaki dan perempuan berumur 10, 11 dan 12 tahun mencapai standard NASPE bagi kecekapan motor dan pengetahuan strategik. Dapatan ini membuktikan bateri ujian yang dibina dengan prosedur yang lengkap sesuai digunakan bagi mengukur tahap kecekapan motor dan pengetahuan strategik murid-murid di Malaysia.

PEMBETULAN TELAH DITERIMA DAN DISEMAK OLEH DR. NELFIANTY MOHD RASYID (PENYELIA UTAMA)
TERIMA PADA : 02 JULAI 2013

ABSTRACT

MOTOR SKILLS PROFICIENCY AND STRATEGIC KNOWLEDGE FOR PHYSICAL EDUCATION AMONGST PRIMARY SCHOOL CHILDREN

This research was aimed at creating assessment battery and comparing the level of motor skills and strategic knowledge of Level two school students based on the standard set by the *National Standards for Physical Education* (NASPE). 108 students, boys and girls, from six primary schools in the Batang Padang District aged 10, 11 and 12 were selected to be part of this study. This research used the ex post facto design. The instrument used was a modified version of *South Carolina Physical Education Assessment Program* (SCPEAP) (2001). Subjects were assessed on four different motor proficiency and strategic knowledge items namely chest passing, receiving ball at chest level, bouncing and dribbling a ball. Results indicated that 63% of the students were proficient in motor skills and 81% in strategic knowledge. Subjects recorded the highest score for chest passing, followed by receiving ball at chest level, dribbling and bouncing in the motor skill test, whereas for strategic knowledge they recorded the highest score in chest passing, followed by receiving ball at chest level, dribbling and bouncing. ANOVA test showed that there were significant differences of motor skills amongst students aged 10, 11 and 12, where students aged 12 male and female achieved a better score in motor skills and strategic knowledge than those aged 10 and 11. Data indicated that students aged 10, 11 and 12 had achieved NASPE standard of motor skills proficiency and strategic knowledge. Results showed that the assessment battery which was built with complete procedures was suitable to be used to gauge motor skills proficiency and strategic knowledge amongst students in Malaysia.

PEMBETULAN TELAH DITERIMA DAN DISEMAK OLEH DR. NELFIANTY MOHD RASYID (PENYELIA UTAMA)
TERIMA PADA : 02 JULAI 2013

ISI KANDUNGAN

	Muka surat
PENGESAHAN	ii
PENGAKUAN	iv
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xvi
BAB 1	PENDAHULUAN
1.1	Pengenalan 1
1.2	Penyataan Masalah 7
1.3	Kepentingan Kajian 10
1.4	Objektif Kajian 10
1.5	Persoalan Kajian 11
1.6	Hipotesis Kajian 12
1.7	Batasan Kajian 15
	1.7.1 Delimitasi Kajian 15
	1.7.2 Limitasi Kajian 16
1.7	Definisi Operasional 16
BAB 2	TINJAUAN LITERATUR
2.1	Pengenalan 20

2.2	Latar Belakang Instrumen Kecekapan Motor dan Pengetahuan Strategik	21
2.2.1	Instrumen SCPEAP	25
2.2.2	Konsep Motor	28
2.3	Teori dan Model Berkaitan	33
2.3.1	Teori Pembelajaran Motor Fitts & Posner	33
2.3.2	Teori Skema Schmidt	35
2.3.3	Model Fasa Perkembangan Motor Gallahue	37
2.3.4	Teori Perkembangan Kognitif Piaget	40
2.3.5	Model Analisis Pergerakan Jewett	45
2.4	Kajian Kecekapan Motor dan Pengetahuan Strategik	46

BAB 3 METODOLOGI


05-4506832

3.1	Pengenalan	57
3.2	Reka Bentuk Kajian	57
3.3	Kerangka Konseptual	58
3.4	Strategi Persampelan	60
3.5	Instrumen Kajian	64
3.6	Prosedur PengumpulanData	66
3.7	Kajian Rintis	69
3.8	Kebolehpercayaan	73
3.9	Kesahan	76
3.10	Penganalisan Data	79


pustaka.upsi.edu.my


Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah


PustakaTBainun


ptbupsi

BAB 4 ANALISIS DATA KAJIAN

4.1	Pengenalan	80
-----	------------	----



4.2	Latar Belakang Subjek Kajian	81
4.3	Analisa Kekerapan Dan Peratusan Skor Kecekapan Motor	82
4.4	Analisa Kekerapan, Peratusan Dan Min Skor Pengetahuan Strategik	90
4.5	Perbandingan Min Skor Tahap Kecekapan Motor Antara Murid Lelaki Berumur 10, 11 Dan 12 Tahun	97
4.6	Perbandingan Min Skor Tahap Kecekapan Motor Antara Murid Perempuan Berumur 10, 11 Dan 12 Tahun	104
4.7	Perbandingan Min Skor Tahap Pengetahuan Strategik Antara Murid Lelaki Berumur 10, 11 Dan 12 Tahun	111
4.8	Perbandingan Min Skor Tahap Pengetahuan Strategik Antara Murid Perempuan Berumur 10, 11 Dan 12 Tahun	118
4.9	Hubungan Antara Skor Kecekapan Motor Dengan Skor Pengetahuan Strategik Dalam Kalangan Murid-Murid Yang Berumur 10, 11 Dan 12 Tahun	125
4.10	Kesimpulan	126
BAB 5	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	128
5.2	Perbincangan	128
5.3	Kesimpulan	134
5.4	Implikasi Dapatan Kajian	137
5.4.1	Implikasi Teoritikal	138
5.4.2	Implikasi Praktikal	139
5.4.3	Cadangan Kajian Lanjutan	144
RUJUKAN		145



LAMPIRAN A	SURAT PENGESAHAN INSTRUMEN DARIPADA PANEL PENILAI
LAMPIRAN B	SURAT KEBENARAN MENJALANKAN KAJIAN DARIPADA BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN DASAR PENDIDIKAN, KPM
LAMPIRAN C	SURAT KEBENARAN MENJALANKAN KAJIAN DARIPADA JABATAN PELAJARAN NEGERI PERAK
LAMPIRAN D MENJALANKAN	SURAT KEBENARAN KAJIAN KE SEKOLAH

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
3.1 Sampel Kajian Berdasarkan Kuasa Dan Saiz Kesan	64
3.3 Penentuan Nilai Kesahan Kandungan Kecekapan Kemahiran Motor	78
3.3 Penentuan Nilai Kesahan Kandungan Pengetahuan Strategik	78
4.1 Taburan Kekerapan Dan Peratusan Mengikut Jantina	81
4.2 Taburan Kekerapan Dan Peratusan Mengikut Umur	81
4.3 Analisis Peratusan Dan Min Skor Kecekapan Kemahiran Motor	82
4.4 Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Kecekapan Kemahiran Motor Menghantar Bola Aras Dada	83
4.5 Taburan Kekerapan Dan Min Peratusan Kecekapan Kemahiran Motor Menghantar Bola Aras Dada Mengikut Skala Rujukan SCPEAP (2001).	84
4.6 Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Kecekapan Kemahiran Motor Menerima Bola Aras Dada	85
4.7 Taburan Kekerapan Dan Peratusan Kecekapan Kemahiran Motor Menerima Bola Aras Dada Mengikut Skala Rujukan SCPEAP (2001).	86
4.8 Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Kecekapan Kemahiran Motor Melantun Bola	87

4.9	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Kecekapan Kemahiran Motor Melantun Bola Mengikut Skala Rujukan SCPEAP (2001).	88
4.10	Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Kecekapan Kemahiran Motor Menggelecek Bola	89
4.11	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Kecekapan Kemahiran Motor Menggelecek Bola Mengikut Skala Rujukan SCPEAP (2001).	90
4.12	Analisis Peratusan Dan Min Skor Pengetahuan Strategik	91
4.13	Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Pengetahuan Strategik Menghantar Bola Aras Dada	92
4.14	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Pengetahuan Strategik Menghantar Bola Aras Dada Mengikut Skala Rujukan SCPEAP (2001).	92
4.15	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Pengetahuan Strategik Menerima Bola Aras Dada	93
4.16	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Pengetahuan Strategik Menerima Bola Aras Dada Mengikut Skala Rujukan SCPEAP (2001).	93
4.17	Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Pengetahuan Strategik Melantun Bola	94
4.18	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Pengetahuan Strategik Melantun Bola Mengikut Skala Rujukan SCPEAP (2001).	95
4.19	Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Pengetahuan Strategik Menggelecek Bola	96
4.20	Taburan Kekerapan, Dan Peratusan Pengetahuan Strategik Menggelecek Bola Mengikut Skala Rujukan SCPEAP (2001).	96
4.21	Ujian ANOVA Sehala Bagi Tahap Kecekapan Kemahiran Motor Antara Murid Lelaki Berumur 10, 11 Dan 12 Tahun	98
4.22	Ujian ANOVA Sehala Bagi Tahap Kecekapan Kemahiran Motor menghantar Bola Aras Dada Antara Murid Lelaki Berumur 10, 11 Dan 12 Tahun	99

4.23	Ujian ANOVA Sehala Tahap Kecekapan Kemahiran Motor Menerima Bola Aras Dada Murid Antara Lelaki Berumur 10, 11 Dan 12 Tahun	100
4.24	Ujian ANOVA Sehala Tahap Kecekapan Kemahiran Motor Melantun Bola Antara Murid Lelaki Berumur 10, 11 Dan 12 Tahun	102
4.25	Ujian ANOVA Sehala Tahap Kecekapan Kemahiran Motor Menggelecek Bola Antara Murid Lelaki Berumur 10, 11 Dan 12 Tahun	103
4.26	Ujian ANOVA Sehala Bagi Tahap Kecekapan Kemahiran Motor Antara Murid Perempuan Berumur 10, 11 Dan 12 Tahun	104
4.27	Ujian ANOVA Sehala Bagi Tahap Kecekapan Kemahiran Motor Menghantar Bola Aras Dada Antara Murid Perempuan Berumur 10, 11 Dan 12 Tahun	106
4.28	Ujian ANOVA Sehala Tahap Kecekapan Kemahiran Motor Menerima Bola Aras Dada Antara Murid Perempuan Berumur 10, 11 Dan 12 Tahun	107
4.29	Ujian ANOVA Sehala Tahap Kecekapan Kemahiran Motor Melantun Bola Antara Murid Perempuan Berumur 10, 11 Dan 12 Tahun	109
4.30	Ujian ANOVA Sehala Tahap Kecekapan Kemahiran Motor Menggelecek Bola Antara Murid Perempuan Berumur 10, 11 Dan 12 Tahun	110
4.31	Ujian ANOVA Sehala Bagi Tahap Pengetahuan Strategik Antara Murid Lelaki Berumur 10, 11 Dan 12 Tahun.	112
4.32	Ujian ANOVA Sehala Bagi Tahap Pengetahuan Strategik Menghantar Bola Aras Dada Antara Murid Lelaki Berumur 10, 11 Dan 12 Tahun	113
4.33	Ujian ANOVA Sehala Tahap Pengetahuan Strategik Menerima Bola Aras Dada Antara Murid Lelaki Berumur 10, 11 Dan 12 Tahun	114
4.34	Ujian ANOVA Sehala Tahap Pengetahuan Strategik Melantun Bola Antara Murid Lelaki Berumur 10, 11 Dan 12 Tahun	116

4.35	Ujian ANOVA Sehala Tahap Pengetahuan Strategik Menggelecek Bola Antara Murid Lelaki Berumur 10, 11 Dan 12 Tahun	117
4.36	Ujian ANOVA Sehala Bagi Tahap Pengetahuan Strategik Tentang Konsep Gerakan, Prinsip, Strategi, Dan Taktik Antara Murid Perempuan Berumur 10, 11 Dan 12 Tahun	118
4.37	Ujian ANOVA Sehala Bagi Tahap Pengetahuan Strategik Menghantar Bola Aras Dada Antara Murid Perempuan Berumur 10, 11 Dan 12 Tahun.	120
4.38	Ujian ANOVA Sehala Tahap Pengetahuan Strategik Menerima Bola Aras Dada Antara Murid Perempuan Berumur 10, 11 Dan 12 Tahun	121
4.39	Ujian ANOVA Sehala Tahap Pengetahuan Strategik Melantun Bola Antara Murid Perempuan Berumur 10, 11 Dan 12 Tahun	123
4.40	Ujian ANOVA Sehala Tahap Pengetahuan Strategik Menggelecek Bola Antara Murid Perempuan Berumur 10, 11 Dan 12 Tahun	124
4.41	Kolerasi Antara Skor Kecekapan Kemahiran Motor Dengan Skor Pengetahuan Strategik Dalam Kalangan Murid-Murid Berumur 10, 11 Dan 12 Tahun	126



SENARAI RAJAH

Rajah

Muka surat

2.1	Teori Skema Schmidt	36
2.2	Model Fasa Perkembangan Motor Gallahue	39
3.1	Kerangka Konseptual Kajian	59
3.2	Kaedah Persampelan Rawak Mudah	62
3.3	Sampel Kajian Berdasarkan Kuasa dan Saiz Kesan	64
2.3	Empat Fasa Perkembangan Kognitif Jean Piaget	41





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan



Kurikulum Pendidikan Jasmani digubal untuk memenuhi keperluan pertumbuhan dan perkembangan individu bagi membentuk masyarakat yang cergas, sejahtera, dan produktif. Kurikulum ini merangkumi tiga tunjang pembelajaran iaitu kecergasan, kemahiran, dan kesukanan. Ketiga-tiga tunjang ini membantu mencapai matlamat Pendidikan Jasmani untuk melahirkan murid yang cergas melalui pembelajaran aktiviti fizikal dan amalan kecergasan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1999). Murid-murid perlu memahami dan menghayati pengetahuan, kemahiran, dan pengalaman Pendidikan Jasmani agar dapat mengamalkan gaya hidup sihat dan sentiasa cergas sebagai budaya rakyat Malaysia. Oleh itu mereka diorientasikan dengan ilmu dan amalan bagi membentuk sahsiah dan sikap untuk menghadapi cabaran hidup di masa depan. Kurikulum Pendidikan Jasmani yang terancang dan persekitaran yang kondusif





dapat menggalakkan pengajaran dan pembelajaran bagi meningkatkan potensi murid ke tahap optimum. Sehubungan itu Pendidikan Jasmani merupakan salah satu mata pelajaran yang membolehkan murid-murid melalui pengalaman aktiviti fizikal dan mendapat peluang belajar, membina kemahiran, dan tingkah laku untuk meneruskan amalan aktiviti fizikal semasa dewasa (*American Academy of Pediatrics*, 2006).

Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 25/1998 memaklumkan bahawa Pendidikan Jasmani adalah mata pelajaran teras dan perlu dilaksanakan seperti yang diperuntukkan dalam Akta Pendidikan 1996. Oleh itu Pendidikan Jasmani wajib dipelajari oleh semua murid di sekolah rendah. Setiap tunjang pembelajaran mengandungi sub tajuk yang berkaitan. Tunjang kecergasan mengandungi sub tajuk kecergasan berasaskan kesihatan, kecergasan berasaskan perlakuan dan konsep, definisi, prinsip, dan kaedah latihan. Tunjang kemahiran pula merangkumi lakuan motor asas, permainan, olahraga, gimnastik, pergerakan kreatif, rekreasi, dan kesenggangan. Tunjang yang ketiga iaitu kesukanan mengandungi sub tajuk berkenaan keselamatan, pengurusan, kerjaya, isu Pendidikan Jasmani dan sukan, serta etika (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1999).

Bagi memastikan matlamat Pendidikan Jasmani melahirkan murid-murid yang cergas melalui pembelajaran aktiviti fizikal dan amalan dicapai, penilaian bagi ketiga-tiga tunjang pembelajaran perlu dijalankan. Penilaian adalah proses mengesan perkembangan, kebolehan, kemajuan, dan pencapaian murid. Penilaian merupakan sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan secara berterusan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1999). Jika penilaian tidak dibuat, kesannya guru tidak akan





mendapat maklum balas tentang pengajaran yang telah disampaikan (Rink, 2009; Miller, 2006; Castelli & Mitchell, 2003).

Walaupun sukatan pelajaran Pendidikan Jasmani mempunyai tiga tunjang pembelajaran, sehingga hari ini hanya tunjang pembelajaran kecergasan yang dinilai secara piawai di sekolah rendah menggunakan instrumen Ujian Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan (SEGAK) yang diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (2007). SEGAK dilaksanakan bertujuan untuk mengukur tahap kecergasan semua murid tahun empat, lima, dan enam. Instrumen ini mengandungi empat bateri ujian iaitu naik turun bangku, ringkuk tubi separa, tekan tubi, dan jangkauan melunjur. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 4/28 Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan Untuk Murid Sekolah Malaysia (SEGAK) memaklumkan mengenai pengujian tahap kecergasan murid dibuat dua kali setahun iaitu pada bulan Mac dan Ogos. Skor setiap murid dianalisa dan diberi gred mengikut skala bintang iaitu 5 bintang (Cemerlang), 4 bintang (Baik), 3 bintang (Memuaskan), 2 bintang (Perlu Meningkatkan Kecergasan) dan 1 bintang (Berisiko). Data yang telah dianalisa dihantar ke Pejabat Pelajaran Daerah, Jabatan Pelajaran Negeri dan seterusnya ke Kementerian Pelajaran Malaysia. Berdasarkan data tersebut pihak kementerian dapat mengetahui tahap kecergasan murid-murid di seluruh Malaysia dengan tepat dan boleh merancang program untuk tindakan susulan.

Hakikatnya tunjang pembelajaran kemahiran dan kesukanan masih belum dinilai secara piawai menggunakan instrumen yang standard di semua sekolah di seluruh Malaysia. Oleh itu penilaian tunjang kemahiran dan kesukanan dirancang dan





dikendalikan oleh guru di peringkat sekolah menggunakan instrumen yang dibina dan ditadbir sendiri. Penilaian dibuat secara pemerhatian, penulisan, dan lisan. Hasil penilaian digunakan untuk memberi maklum balas kepada murid, ibu bapa, guru, dan pihak pentadbir (Miller, 2006; Kementerian Pelajaran Malaysia, 1999).

Tunjang kemahiran dalam sukatan mata pelajaran Pendidikan Jasmani mengandungi kemahiran asas pergerakan meliputi pelbagai kemahiran motor yang dikenali sebagai kemahiran motor asas. Semasa di tahap satu murid-murid didedahkan dengan kemahiran motor asas. Menurut Haywood dan Getchell (2005), di peringkat awal, kanak-kanak mempelajari kemahiran motor asas iaitu kemahiran lokomotor, nonlokomotor dan kemahiran manipulatif. Kemahiran lokomotor ialah pergerakan yang memerlukan ruang dan membawa individu untuk bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain seperti berjalan, berlari, melompat, gallop, dan skip. Kemahiran nonlokomotor pula adalah pergerakan setempat iaitu mengilas dan membongkok. Kemahiran nonlokomotor pula merupakan lakuan pergerakan setempat iaitu membongkok, berpusing dan berbuai. Kemahiran manipulatif pula, merangkumi kemahiran motor halus dan motor kasar. Kemahiran ini melibatkan pengawalan objek peringkat primer dengan tangan dan kaki seperti melontar, menangkap, melantun, menendang, dan memukul. Sukatan ini amat bersesuaian dengan koordinasi mata tangan dan mata kaki kanak-kanak yang sedang berkembang pesat pada usia ini. Selain itu peningkatan juga berlaku pada kekuatan otot, kelembutan pergerakan, ketangkasan, dan keseimbangan tubuh (Wall & Murray, 1990).





Setelah memasuki tahap dua murid-murid tidak lagi diajar kemahiran asas motor. Kemahiran lokomotor, nonlokomotor, dan kemahiran manipulatif digabung jalin dalam kemahiran permainan dan olahraga. Bagi murid tahun empat, sukatan pelajaran Pendidikan Jasmani mengandungi permainan hoki, bola sepak, bola jaring, bola baling, lari pecut, dan lompat jauh. Murid tahun lima pula diajar permainan sofbol, badminton, ragbi sentuh, dan lompat tinggi. Pada tahun enam, murid-murid mempelajari permainan bola keranjang, bola tampar, sepak takraw, lontar peluru, dan lari berpagar (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2002). Segala kemahiran yang dipelajari di tahap satu perlu diaplikasikan dalam permainan yang terdapat dalam sukatan pelajaran semasa di tahap dua. Kegagalan menguasai kemahiran motor dan pengetahuan strategik menyebabkan murid-murid menghadapi masalah untuk menggabung jalin kemahiran motor asas dalam situasi permainan sebenar. Mereka akan menghadapi kesukaran melakukan pemindahan pembelajaran motor dan penguasaan kemahiran asas permainan. Kegagalan tersebut akan menjejaskan kualiti pergerakan dan kemahiran asas serta lanjutan dalam permainan dan kemahiran hidup (Norziha, 2007).

Kemahiran yang terkandung dalam sukatan pelajaran tersebut bersesuaian dengan teori perkembangan motor Gallahue (1996), yang menyatakan bahawa kanak-kanak berusia antara 10 hingga 12 tahun sudah berupaya melakukan aksi sukan yang memerlukan kepantasan dan kecekapan. Oleh itu semua murid yang belajar di tahap dua perlu menguasai kemahiran motor yang dipelajari semasa tahap satu bagi memastikan mereka dapat meneruskan pembelajaran dengan mudah.



Menurut Schmidt dan Wrisberg (2008), kanak-kanak mesti mempelajari dan menguasai kemahiran motor asas dengan baik dan sempurna supaya dapat digunakan sebagai amalan kecergasan sepanjang hayat . Kenyataan ini selaras dengan Clark dan Metcalfe (2002) yang menegaskan kemahiran motor asas seumpama abjad “ABC” dalam dunia aktiviti fizikal. Oleh itu semua murid mesti tahu cara untuk menghasilkan pergerakan tersebut dengan sempurna dan dapat digunakan dalam aktiviti fizikal sepanjang hayat (Rink, 2009). Bagi menghasilkan pergerakan yang berkualiti dan sempurna murid-murid mestilah mempunyai pengetahuan strategik. Menurut Rink (2009), pengetahuan strategik merupakan pemahaman murid tentang konsep gerakan, prinsip, strategi, dan taktik untuk menghasilkan pola pergerakan yang diperlukan dalam ujian kemahiran motor

Berdasarkan definisi tersebut jelas menunjukkan kemahiran motor dan pengetahuan strategik merupakan dua komponen yang tidak boleh dipisahkan dan saling berkaitan antara satu sama lain. Oleh itu setiap individu mesti mempelajari dan menguasai kedua-dua kemahiran tersebut dengan baik dan sempurna semasa pengajaran Pendidikan Jasmani kerana menurut Thomas dan Thomas (2008), mata pelajaran ini memainkan peranan yang sangat penting untuk memberi peluang kepada murid-murid merangsang dan mengawal keupayaan fizikal seperti kekuatan, kelajuan, fleksibiliti, dan mengembangkan kemahiran motor dengan sempurna.

Menurut Idris, Sharol, Teh, dan Jamaliyah (2010), Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Jasmani digubal berasaskan standard kandungan dan

standard pembelajaran yang perlu dicapai dan dikuasai oleh murid. Kandungan kurikulum ini masih mengekalkan tiga domain pendidikan iaitu psikomotor, kognitif dan afektif. Terdapat lima standard kandungan dalam Pendidikan Jasmani iaitu kemahiran pergerakan, aplikasi pengetahuan dalam pergerakan, kecergasan meningkatkan kesihatan dan prestasi fizikal, aplikasi pengetahuan dalam meningkatkan kecergasan, dan kesukanan. Standard kandungan dan standard pembelajaran Pendidikan Jasmani KSSR dan sukatan pelajaran Pendidikan Jasmani Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) masih menitikberatkan penguasaan murid bagi aspek kemahiran psikomotor, dan kognitif, ke tahap optimum. Ini menunjukkan adalah penting semua murid menguasai kemahiran motor dan kognitif supaya dapat diaplikasikan dalam aktiviti fizikal untuk mengamalkan gaya hidup sihat sepanjang hayat.

1.2. Penyataan Masalah

Penilaian yang piawai memang telah dilaksanakan bagi komponen kecergasan menggunakan instrumen Ujian Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan (SEGAK) yang menggantikan Ujian Daya Tahan Asas (UDTA) bermula tahun 2008. Keputusan ujian yang telah dianalisa dihantar ke Kementerian Pelajaran Malaysia untuk memberi maklumat kepada Kementerian Pelajaran tahap kecergasan murid-murid di Malaysia. Walau bagaimanapun, sehingga hari ini masih belum ada satu instrumen piawai digunakan oleh guru-guru Pendidikan Jasmani untuk menilai tunjang kemahiran dan tunjang kesukanan.



Kecekapan motor dan pengetahuan strategik merupakan satu kriteria yang boleh digunakan bagi mentafsirkan lakuan motor murid-murid dalam sesuatu kemahiran motor atau kemahiran sukan. Skor yang diperolehi dapat membantu guru mengetahui tahap prestasi kecekapan motor dan pengetahuan strategik murid-murid. Berdasarkan prestasi tersebut guru dapat mengenal pasti murid yang mempunyai kekuatan dan kelemahan dalam kemahiran motor. Sehubungan itu maklumat ini dapat digunakan untuk merancang pengajaran Pendidikan Jasmani.

Proses pengajaran Pendidikan Jasmani di sekolah rendah sepatutnya membolehkan murid yang berumur 11 hingga 13 tahun mengaplikasi kemahiran motor dengan berkesan. Kebolehan menguasai kemahiran motor membolehkan mereka yang berminat dalam sukan memilih permainan yang digemari untuk diceburi. Pada fasa ini murid boleh mengaplikasikan kemahiran pergerakan yang dipelajari dalam sukan. Murid sudah memiliki perkembangan keupayaan lakuan motor dan pengetahuan yang mencukupi untuk diaplikasi dalam aktiviti sukan serta permainan dengan lebih bermakna untuk sukan, pertandingan atau rekreasi.

Setakat ini belum ada instrumen yang piawai dapat diguna pakai bagi mengukur tunjang kemahiran, khususnya tahap kemahiran motor dan pengetahuan strategik murid-murid sekolah rendah di Malaysia (Ahmad, 2003). Penilaian dirancang dan dikendalikan oleh guru di peringkat sekolah menggunakan instrumen penilaian yang dibina dan ditadbir sendiri. Oleh itu guru-guru melaksanakan penilaian mengikut kepakaran dan pengetahuan masing-masing. Pengetahuan dan kepakaran yang terhad akan menyebabkan



kegagalan guru mengenal pasti dan memilih ujian yang sah dan benar-benar mengukur komponen yang hendak dinilai. Menurut Ahmad (2004), kesannya keputusan ujian penilaian yang dijalankan oleh guru adalah tidak tepat dan gagal menunjukkan penguasaan bagi tunjang kemahiran khususnya tahap kecekapan kemahiran motor dan pengetahuan strategik murid yang sebenar. Keputusan penilaian yang dijalankan juga boleh diragukan oleh murid, ibu bapa, guru, dan pentadbir.

Terdapat pelbagai instrumen yang diperkenalkan oleh pakar Pendidikan Jasmani sejak tahun 1954 hingga kini untuk mengukur kecekapan motor murid-murid. Instrumen ini mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan mengikut pencapaian murid-murid di luar negara. Menurut Baumgartner dan Jackson (1982) proses pengajaran dan pembelajaran akan lebih bermakna dan berkesan jika prosedur penilaian yang disediakan mempunyai kebolehpercayaan dan kesahan ke atas pencapaian pelajar. Pelajar tidak dapat mengetahui prestasi kecekapan motor mereka jika tidak diukur secara sistematik.

Masalah yang dihadapi oleh guru Pendidikan Jasmani pada masa kini ialah membuktikan bahawa mata pelajaran tersebut dapat menyumbang ke arah perkembangan dan pertumbuhan intelek, emosi, rohani, dan jasmani murid selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara. Matlamat tersebut tidak akan tercapai sekiranya guru tidak mempunyai pengetahuan mengenai prosedur pengukuran dan penilaian serta gagal mengukur prestasi kecekapan motor dan pengetahuan strategik murid. Kegagalan tersebut disebabkan ketiadaan instrumen yang piawai beserta prosedur pengukuran yang sesuai.

Berdasarkan kepada masalah tersebut, pengkaji ingin membina instrumen piawai menggunakan instrumen SCPEAP (2001) yang telah diubah suai mengikut persekitaran murid di Malaysia bagi mengukur kebolehan murid melakukan tugas motor dan mengaplikasi tahap pengetahuan bagi menghasilkan pergerakan yang menarik, kemas dan berseni untuk menghasilkan pergerakan yang cekap dan berkesan (Dzulkifli & Jamaliah, 2004). Fokus kajian pengkaji adalah kepada tunjang kemahiran iaitu kemahiran motor asas komponen kemahiran manipulatif.

Oleh itu pengkaji memilih komponen kemahiran manipulatif untuk mengukur tahap kecekapan kemahiran motor dan pengetahuan strategik murid-murid lelaki dan perempuan di tahap dua yang berumur 10, 11 dan 12 tahun. Murid-murid lelaki dan perempuan tahap dua dipilih kerana pengkaji ingin membuktikan sejauhmana tahap kecekapan motor dan pengetahuan strategik murid-murid tahap dua selaras dengan teori Gallahue (1996) yang mengatakan pada peringkat umur ini murid-murid berupaya melakukan aksi sukan yang memerlukan kepantasan dan kecekapan.

1.3 Kepentingan Kajian

Hasil daripada kajian ini diharapkan akan dapat digunakan oleh guru-guru Pendidikan Jasmani sebagai instrumen yang piawai untuk mengukur kecekapan kemahiran motor dan pengetahuan strategik murid-murid di sekolah rendah yang berumur 10, 11 dan 12 tahun. Hasil ujian juga diharapkan dapat memberi input kepada guru-guru Pendidikan Jasmani

tentang tahap prestasi murid-murid dan boleh membantu guru untuk merancang pengajaran dan pembelajaran mengikut tahap prestasi murid. Selain itu, murid-murid juga dapat mengetahui tahap prestasi mereka dalam kemahiran yang diuji. Secara tidak langsung akan wujud motivasi untuk melakukan sesuatu kemahiran dengan lebih baik berbanding rakan-rakan yang lain (Miller, 2006).

Bagi pihak Pejabat Pelajaran Daerah dan Jabatan Pelajaran Negeri pula diharapkan dapat menggunakan hasil kajian ini untuk memberi cadangan kepada Kementerian Pelajaran supaya mewajibkan pengukuran kecekapan kemahiran motor dan pengetahuan strategik secara piawai oleh semua guru Pendidikan Jasmani. Pusat Perkembangan Kurikulum pula dapat menggunakan hasil kajian ini untuk menyemak semula sukatan pelajaran dengan memasukkan penilaian kecekapan kemahiran motor dan pengetahuan strategik di samping penilaian kecergasan yang telah sedia ada di sekolah.

1.4 Objektif Kajian

Kajian tahap kecekapan kemahiran motor dan pengetahuan strategik ini bertujuan untuk mencapai objektif-objektif berikut;

- 1.4.1 mengukur tahap kecekapan kemahiran motor murid lelaki yang berumur 10, 11 dan 12 tahun,
- 1.4.2 mengukur tahap kecekapan kemahiran motor murid perempuan yang berumur 10, 11 dan 12 tahun,



- 1.4.3 mengukur tahap pengetahuan strategik murid lelaki berumur 10, 11 dan 12 tahun,
- 1.4.4 mengukur tahap pengetahuan strategik tentang konsep gerakan, prinsip, strategi, dan taktik murid perempuan yang berumur 10, 11 dan 12 tahun,
- 1.4.5 mengukur hubungan skor kecekapan kemahiran motor dan pengetahuan strategik murid yang berumur 10, 11 dan 12 tahun.

1.5 Persoalan Kajian

Bagi memudahkan pengkaji melihat tahap kecekapan kemahiran motor dan pengetahuan strategik murid-murid lelaki dan perempuan berumur 10, 11 dan 12 tahun dalam kajian ini, sebanyak 2 persoalan kajian disenaraikan berkaitan kecekapan kemahiran motor dan pengetahuan strategik yang melibatkan empat kemahiran manipulatif terdiri daripada kemahiran menghantar bola aras dada, menerima bola aras dada, melantun bola dan menggelecek bola. Persoalan kajian tersebut ialah:

- 1.5.1 Sejauhmanakah tahap kecekapan motor murid-murid lelaki dan perempuan berumur 10, 11 dan 12 tahun.
- 1.5.2 Sejauhmanakah tahap pengetahuan strategik murid-murid lelaki dan perempuan berumur 10, 11 dan 12 tahun



1.6 Hipotesis Kajian

Bagi memudahkan pengkaji melihat tahap kecekapan kemahiran motor dan pengetahuan strategik murid-murid lelaki dan perempuan berumur 10, 11 dan 12 tahun dalam kajian ini, sebanyak 5 hipotesis nul disenaraikan berkaitan kecekapan kemahiran motor dan pengetahuan strategik yang melibatkan empat kemahiran manipulatif terdiri daripada kemahiran menghantar bola aras dada, menerima bola aras dada, melantun bola dan menggelecek bola dalam kalangan murid-murid lelaki dan perempuan berumur 10, 11 dan 12 tahun. Hipotesis nul tersebut ialah:

- 1.6.1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor kecekapan kemahiran motor antara murid lelaki berumur 10, 11 dan 12 tahun.

Sub Hipotesis

- 1.6.1.1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor tahap kecekapan kemahiran motor menghantar bola aras dada antara murid lelaki yang berumur 10, 11 dan 12 tahun.
- 1.6.1.2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor tahap kecekapan kemahiran motor menerima bola aras dada antara murid lelaki yang berumur 10, 11 dan 12 tahun,
- 1.6.1.3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor tahap kecekapan kemahiran motor melantun bola antara murid lelaki yang berumur 10, 11 dan 12 tahun.
- 1.6.1.4 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor tahap kecekapan



kemahiran motor menggelecek bola antara murid lelaki yang berumur 10, 11 dan 12 tahun.

1.6.2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor kecekapan kemahiran motor antara murid perempuan berumur 10, 11 dan 12 tahun.

1.6.2.1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor tahap kecekapan kemahiran motor menghantar bola aras dada antara murid perempuan yang berumur 10, 11 dan 12 tahun,

1.6.2.2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor tahap kecekapan kemahiran motor menerima bola aras dada antara murid perempuan yang berumur 10, 11 dan 12 tahun.

1.6.2.3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor tahap kecekapan



kemahiran motor melantun bola antara murid perempuan yang berumur 10, 11 dan 12 tahun.

1.6.2.4 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor tahap kecekapan kemahiran motor menggelecek bola antara murid perempuan yang berumur 10, 11 dan 12 tahun.

1.6.3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor pengetahuan strategik antara murid lelaki yang berumur 10, 11 dan 12 tahun.

1.6.3.1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor pengetahuan strategik menghantar bola aras dada antara murid lelaki yang berumur 10, 11 dan 12 tahun.





1.6.3.2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor pengetahuan strategik menerima bola aras dada antara murid lelaki yang berumur 10, 11 dan 12 tahun,

1.6.3.3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor pengetahuan strategik melantun bola antara murid lelaki yang berumur 10, 11 dan 12 tahun.

1.6.3.4 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor pengetahuan strategik menggelecek bola antara murid lelaki yang berumur 10, 11 dan 12 tahun.

1.6.4 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor pengetahuan strategik antara murid perempuan yang berumur 10, 11 dan 12 tahun.

1.6.4.1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor pengetahuan strategik



menghantar aras dada antara murid-murid perempuan yang berumur 10, 11 dan 12 tahun.

1.6.4.2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor pengetahuan strategik tentang menerima aras dada antara murid-murid perempuan yang berumur 10, 11 dan 12 tahun.

1.6.4.3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor pengetahuan strategik tentang melantun bola antara murid-murid perempuan yang berumur 10, 11 dan 12 tahun.

1.6.4.4 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor pengetahuan strategik menggelecek bola antara murid-murid perempuan yang berumur 10, 11 dan 12 tahun,





1.6.5 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara skor kecekapan kemahiran motor dengan skor pengetahuan strategik dalam kalangan murid-murid yang berumur antara 10, 11 dan 12 tahun.

1.7 Batasan Kajian

Menurut Noraini (2010), setiap kajian mempunyai batasan tertentu yang akan mempengaruhi dapatan kajian. Batasan yang berlaku disebabkan oleh perkara yang tidak dapat dapat dikawal oleh pengkaji dikenali sebagai limitasi. Manakala batasan yang wujud akibat skop kajian yang ditetapkan sendiri oleh penyelidik ialah delimitasi. Dalam kajian ini pengkaji telah mengenal pasti beberapa delimitasi dan limitasi yang mungkin mempengaruhi dapatan kajian.

1.6.1 Delimitasi Kajian

Kajian standard penilaian kecekapan kemahiran motor dan pengetahuan strategik murid-murid tahun empat, lima dan enam di sekolah-sekolah rendah daerah Batang Padang akan dijalankan berdasarkan delimitasi berikut;

- i. Kajian ini terbatas kepada 108 orang murid-murid lelaki dan perempuan yang berumur 10, 11 dan 12 tahun di enam buah sekolah rendah di daerah Batang Padang.





- ii. Empat kemahiran manipulatif yang digunakan sebagai instrumen ialah menghantar bola aras dada, menerima bola aras dada, melantun bola dan menggelecek bola.
- iii. Pengukuran kecekapan kemahiran motor adalah berdasarkan instrumen ujian SCPEAP (2001) yang telah diubah suai.
- iv. Kajian ini mengukur dua standard yang terdapat dalam NASPE (2004), iaitu tahap kecekapan kemahiran motor dan pengetahuan strategik.

1.6.2 Limitasi Kajian



Kajian standard penilaian kecekapan kemahiran motor dan pengetahuan strategik mata pelajaran Pendidikan Jasmani murid-murid lelaki dan perempuan sekolah rendah berumur 10, 11 dan 12 tahun di daerah Batang Padang dijalankan berdasarkan limitasi berikut;

- i. Pengalaman dan pengetahuan sedia ada sampel berkaitan aktiviti fizikal dan sukan tidak dapat dikawal. Oleh itu kesungguhan murid-murid melakukan ujian kecekapan ini akan memberi kesan sampingan ke atas hasil kajian. Bagi mengatasi masalah ini, pemilihan sampel secara rawak dilakukan.
- ii. Kajian ini mengambil kira sekolah rendah di bandar dan luar bandar di daerah Batang Padang. Pembolehubah seperti latar belakang sosio ekonomi, tahap pendidikan dan pencapaian akademik, pekerjaan, dan





pendapatan keluarga tidak dapat dikawal dalam kajian ini. Bagi mengurangkan kesan ralat persampelan disebabkan pembolehubah tersebut, pemilihan sampel secara rawak dilakukan.

1.7 Definisi Operasional

Pelbagai terminologi dan konsep digunakan bagi melihat tahap kecekapan kemahiran motor dan pengetahuan strategik tentang konsep gerakan, prinsip, strategi, dan taktik murid-murid sekolah rendah di daerah Batang Padang. Pengertian terminologi dan konsep dalam konteks kajian ini adalah seperti berikut;



1.7.1 Instrumen Ujian

Instrumen ujian yang digunakan untuk mengukur tahap kecekapan kemahiran motor dan pengetahuan strategik murid-murid sekolah rendah lelaki dan perempuan berumur 10, 11 dan 12 tahun di daerah Padang Batang. Instrumen yang digunakan ialah instrumen *South Carolina Physical Education Assessment Program* (2001). Walau bagaimanapun instrumen ini telah diubah suai mengikut kesesuaian subjek kajian di daerah Batang Padang.



1.7.2 Kemahiran motor

Empat kemahiran motor yang dilaksanakan dalam kajian ini melibatkan kemahiran manipulatif iaitu kemahiran menghantar bola aras dada, menerima bola aras dada, melantun bola dan menggelecek bola.

1.7.3 Kecekapan kemahiran motor

Kecekapan kemahiran motor ialah kemampuan murid untuk melakukan empat lakuan motor yang berbeza melibatkan koordinasi kemahiran motor halus dan motor kasar.

1.7.4 Pengetahuan strategik

Pengetahuan strategik tentang konsep gerakan, prinsip, strategi, dan taktik merupakan pemahaman murid tentang konsep untuk menghasilkan pola pergerakan yang diperlukan dalam ujian kemahiran motor.



1.7.5 Tahap kecekapan kemahiran motor

Tahap kecekapan kemahiran motor ialah kemampuan murid-murid memperoleh sejumlah skor piawai (skor T) daripada empat ujian kecekapan kemahiran motor berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan.

1.7.6 Tahap pengetahuan strategik

Tahap pengetahuan strategik tentang konsep gerakan, prinsip, strategi, dan taktik ialah kemampuan murid-murid memperoleh sejumlah skor piawai (skor T) daripada empat soalan ujian yang diberi bagi setiap kemahiran menggunakan kaedah temu bual berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan.

1.7.7 Ujian kecekapan kemahiran motor

Mengandungi empat ujian kemahiran manipulatif iaitu menghantar bola aras dada, menerima bola aras dada, melantun bola dan menggelecek bola.



1.7.8 Ujian pengetahuan strategik

Mengandungi empat jenis soalan bagi setiap kemahiran manipulatif yang dilaksanakan secara temu bual berkaitan pengetahuan strategik tentang konsep gerakan, prinsip, strategi, dan taktik menghantar bola aras dada, menerima bola aras dada, melantun bola dan menggelecek bola.

1.7.9 Menghantar bola aras dada

Perlakuan menghantar bola aras dada mengikut perlakuan yang betul berdasarkan empat kriteria yang telah ditetapkan.

1.8.0 Menerima bola aras dada

Perlakuan menerima bola aras dada mengikut perlakuan yang betul berdasarkan empat kriteria yang telah ditetapkan.



1.8.1 Melantun bola

Perlakuan melantun bola mengikut perlakuan yang betul berdasarkan empat kriteria yang telah ditetapkan.

1.8.2 Mengelecek bola

Perlakuan mengelecek bola mengikut perlakuan yang betul berdasarkan empat kriteria yang telah ditetapkan.



1.8.3 Murid sekolah rendah

Terdiri daripada murid-murid lelaki dan perempuan di sekolah rendah daerah Batang Padang tahap dua iaitu murid-murid tahun empat, lima dan enam yang berumur 10, 11 dan 12 tahun.

1.8.4 NASPE (2004)

Merupakan Standard Pendidikan Jasmani Kebangsaan yang digubal untuk membangunkan pendidikan fizikal individu yang mempunyai pengetahuan,





kemahiran, dan kepercayaan diri untuk menikmati aktiviti fizikal yang sihat sepanjang hayat. Dokumen ini mengandungi enam kriteria rujukan dan menyediakan perancangan aktiviti untuk Pendidikan Jasmani yang berkualiti.

1.8.5 SCPEAP (2001)

Instrumen ini merupakan bateri ujian yang digunakan untuk mengukur pencapaian murid-murid dalam Pendidikan Jasmani berdasarkan dua kriteria rujukan NASPE (2004) iaitu;

- i. kecekapan dalam kemahiran motor dan pola pergerakan yang diperlukan untuk melakukan pelbagai aktiviti fizikal dan
- ii. pemahaman konsep gerakan, prinsip, strategi, dan taktik seperti yang digunakan untuk pembelajaran dan aktiviti fizikal.

